
BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Fasal 2 Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. LKAN mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2019 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 6 September 2021. LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2019 Siri 2 telah dibentangkan pada 26 November 2021. LKAN mengenai Penyata Kewangan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Sembilan Tahun 2020 telah dibentangkan pada 19 April 2022. Namun begitu, LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan masih belum dibentangkan sehingga bulan Ogos 2022.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri hendaklah bermesyuarat secara berkala untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam dengan membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh ketua jabatan/agensi Kerajaan negeri. Sepanjang tempoh antara bulan Oktober 2021 sehingga Jun 2022, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat enam kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 Siri 1, 2 dan 3, Tahun 2019 Siri 1 dan 2 serta Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan dan Agensi Negeri Sembilan Tahun 2020. Pada keenam-enam mesyuarat tersebut, Pengarah Audit Negeri Sembilan telah membentangkan kepada ahli Jawatankuasa kedudukan paparan AG's Dashboard bagi isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN berkaitan. Ringkasan perkara yang dibentangkan kepada Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI BAGI
TEMPOH OKTOBER 2021 HINGGA JUN 2022

TARIKH	JABATAN/AGENSI	STATUS AG's DASHBOARD BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGIKUT TAHUN DAN SIRI
MESYUARAT BIL. 1/2021		
7 Oktober 2021	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan (JPSNS)	<p>Pembentangan kepada Ahli Jawatankuasa mengenai kedudukan di paparan AG's Dashboard:</p> <p>1. LKAN Tahun 2018 Siri 1:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesemua lima isu telah selesai, bagaimanapun Pengarah JPSNS akan dipanggil untuk memberi penerangan lanjut berkaitan isu Pengurusan Penyenggaraan Saliran Mesra Alam
	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan MBI Negeri Sembilan - Emerald Spirit Sdn. Bhd.	<p>2. LKAN Tahun 2018 Siri 2:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu isu melibatkan pengauditan projek Pembinaan dan Penyewaan Kompleks MAINS • Satu isu melibatkan pengauditan terhadap Emerald Spirit Sdn. Bhd. <p>Ketua Jabatan akan dipanggil untuk memberi penjelasan</p>
	Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	<p>3. LKAN Tahun 2018 Siri 3:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dua isu melibatkan pengauditan Projek Mengganti Jalan Di Jalan Negeri • Dua isu melibatkan pengauditan Pengurusan Program SUKMA • Dua isu melibatkan pengauditan MAINS Hotel Sdn. Bhd. <p>Ketua Jabatan/Agensi akan dipanggil untuk memberi penjelasan</p>
	Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan - Negeri Roadstone Sdn. Bhd.	<p>4. LKAN Tahun 2019 Siri 1 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu isu melibatkan pengauditan Negeri Roadstone Sdn. Bhd. <p>Ketua Jabatan akan dipanggil untuk memberi penjelasan</p>

MESYUARAT BIL. 2/2021		
21 Oktober 2021	<p>Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan</p> <p>Majlis Agama Islam Negeri Sembilan MBI Negeri Sembilan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Emerald Spirit Sdn. Bhd. <p>Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan</p> <p>Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan</p> <p>Majlis Agama Islam Negeri Sembilan</p> <ul style="list-style-type: none"> • MAINS Hotel Sdn. Bhd. <p>Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Negeri Roadstone Sdn. Bhd. 	<p>Pembentangan dan penjelasan oleh Ketua Jabatan berkenaan isu berikut:</p> <p>1. LKAN Tahun 2018 Siri 1,2 dan 3 serta LKAN Tahun 2019 Siri 1:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengarah JPSNS membentangkan isu Pengurusan Penyenggaraan Saliran Mesra Alam. • Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan semua Ketua Jabatan/Agensi yang berkenaan. • Isu LKAN Tahun 2018 Siri 2 dan Siri 3 serta LKAN Tahun 2019 Siri 1 telah diambil tindakan oleh jabatan/agensi. <ul style="list-style-type: none"> - Projek Pembinaan dan Penyewaan Kompleks MAINS - Emerald Spirit Sdn. Bhd. - Projek Mengganti Jambatan di Jalan Negeri - Pengurusan Program SUKMA - MAINS Hotel Sdn. Bhd - Negeri Roadstone Sdn. Bhd.
MESYUARAT BIL. 3/2021		
9 Disember 2021	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan</p> <p>Unit Perancang Ekonomi Negeri</p> <p>Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan</p>	<p>Pembentangan kepada Ahli Jawatankuasa mengenai kedudukan di paparan AG's Dashboard:</p> <p>1. LKAN Tahun 2019 Siri 2:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sepuluh isu melibatkan pengauditan Pengurusan Skim Pinjaman Induk Tanpa Faedah - Dua isu melibatkan pengauditan Pembangunan Industri Pelancongan Negeri Sembilan <p>Ketua Jabatan/Agensi akan dipanggil untuk memberi penjelasan</p>

MESYUARAT PENYELARASAN BAGI PEMBENTANGAN ISU TERKINI		
22 Februari 2022	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan</p> <p>Unit Perancang Ekonomi Negeri</p> <p>Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan</p>	<p>Jawatankuasa mengambil maklum kedudukan di paparan AG's Dashboard berkenaan:</p> <p>1. LKAN Tahun 2019 Siri 2:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sepuluh isu melibatkan pengauditan Pengurusan Skim Pinjaman Induk Tanpa Faedah - Dua isu melibatkan pengauditan Pembangunan Industri Pelancongan Negeri Sembilan <p>Lawatan tapak ke Kompleks Teknologi Pertanian Ulu Sepri, Rembau bagi kajian Pembangunan Industri Pelancongan Negeri Sembilan</p>
MESYUARAT BIL. 1/2022		
12 Mei 2022	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan</p> <p>Unit Perancang Ekonomi Negeri</p> <p>Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan • Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan 	<p>Pembentangan kepada Ahli Jawatankuasa mengenai kedudukan di paparan AG's Dashboard:</p> <p>1. LKAN Tahun 2019 Siri 2:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ketua Jabatan perlu memberi penjelasan lanjut berkaitan isu yang masih belum selesai. <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Skim Pinjaman Induk Tanpa Faedah - Pembangunan Industri Pelancongan Negeri Sembilan <p>2. LKAN Tahun 2020:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dua isu melibatkan pengauditan terhadap Perolehan Secara Sebut Harga • Dua isu melibatkan pengauditan terhadap Perolehan Secara Sebut Harga <p>Ketua Jabatan akan dipanggil untuk memberi penjelasan</p>

MESYUARAT BIL. 2/2022

2 Jun 2022	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan Unit Perancang Ekonomi Negeri Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan	<p>Jawatankuasa mengambil maklum kedudukan di paparan AG's Dashboard yang belum selesai:</p> <p>1. LKAN Tahun 2019 Siri 2:</p> <ul style="list-style-type: none">• Enam isu melibatkan pengauditan Pengurusan Skim Pinjaman Induk Tanpa Faedah• Dua isu melibatkan pengauditan Pembangunan Industri Pelancongan Negeri Sembilan <p>Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan Ketua Jabatan yang berkenaan</p> <p>2. LKAN Tahun 2020:</p> <ul style="list-style-type: none">• Dua isu melibatkan pengauditan terhadap Perolehan Secara Sebut Harga.• Dua isu melibatkan pengauditan terhadap Perolehan Secara Sebut Harga. <p>Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan Ketua Jabatan yang berkenaan</p>
------------	---	---